

Kekaburan Tentang Konsep Masalahah Dalam Perundangan

Mohd. Noor b. Deris*

'*Maslahah*' suatu perkataan yang sering disebut oleh orang yang ingin menjaga kepentingan mereka, khususnya ahli politik dan pemerintah yang terlibat dalam merancang dan menjalankan polisi. Oleh kerana makna, konsep dan fungsinya mengikut kacamata Islam dan kaedah perundangannya tidak difahami secara mendalam, pengertian masalahah sering disalahgunakan. Oleh itu kajian tentang masalahah amatlah diperlukan dengan menerangkan kedudukan dan syaratnya yang sebenar dalam perundangan berdasar apa yang dibincangkan oleh para ulama perundangan Islam yang muktabar.

Persoalannya ialah, apabila terdapat kejadian dan peristiwa yang tidak dijelaskan hukumnya oleh syarak dan tiada juga nilai persamaan yang boleh diqiyaskan, sejauhmanakah hukum atau undang-undang berhubung dengan kes tersebut boleh ditentukan berdasar masalahah.

Konsep Masalahah

Maslahah yang berasal daripada bahasa Arab itu sudah menjadi perkataan biasa dalam bahasa Malaysia. Cuma bunyi sebutannya berbeza. Dalam bahasa Malaysia disebut maslahat (berakhiran *t*).

* *Pensyarah Fakulti Syariah Universiti Malaya*

Dua penerangan tentang masalah iaitu oleh Imam Fakhruddin ar-Razi (m. 606 H/1210 M.) dan Imam al-Ghazali (m. 505 H/1111 M.) dapat difahami dua perkara:¹ Pertama: 'Maslahah' pada asalnya (mengikut pengertian 'urf atau bahasa) bererti menghasilkan kemanfaatan dan menolak kemudaratan atau kerosakan.

Kedua: Bahawa kedua-dua Imam itu, ketika membuat ulasan berhubung dengan masalah, tidak sekali-kali memaksudkan pengertiannya menurut 'urf atau bahasa, sebaliknya mengikut tujuan dan kacamata syarak. Kadang-kadang orang menganggap sesuatu itu 'manfaat'. Sedangkan pada pandangan syarak ia sebenarnya 'mafsadah'. Demikian juga sebaliknya. Firman Allah, bermaksud:

*"Diwajibkan atas kamu berperang, padahal ia suatu kebencian bagi kamu, sedangkan mungkin kamu benci kepada sesuatu padahal ia merupakan kebaikan bagi kamu dan mungkin kamu benci kepada sesuatu padahal ia merupakan kebaikan bagi kamu dan mungkin kamu suka kepada sesuatu padahal ia merupakan tidak baik bagi kamu dan Allah itu mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui."*²

Sesuatu tindakan yang dianggap baik atau buruk pada pandangan 'urf atau masyarakat itu tidak semestinya sama dengan pandangan Islam. Oleh kerana itulah, undang-undang ciptaan manusia selalu bercanggah dengan undang-undang Islam yang dicipta oleh Allah.

Al-Amidi menjelaskan penentuan sama ada sesuatu itu mendatangkan kebaikan atau keburukan perlu didasarkan kepada kepentingan manusia kerana Allah tidak berkepentingan dalam kemudaratan dan kemaslahatan. Kepentingan itu dapat dicapai oleh manusia di dunia dan di akhirat. Contohnya perlaksanaan hukum qisas dapat menjamin kepentingan umat manusia daripada ancaman terhadap keselamatan awam. Di samping itu, ia juga amalan yang menghasilkan pahala (ganjaran) serta dapat mengelakkan daripada seksaan Tuhan di akhirat.³

Dengan penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa masalah, mengikut pandangan tokoh-tokoh perundangan Islam ialah memelihara dan mengawal tujuan syarak. Sekalipun ia bertentangan dengan kehendak individu, orang ramai, atau mana-mana pihak kerana kemaslahatan yang menjadi matlamat makhluk apabila bertentangan, matlamat syarak pada hakikatnya bukan kemaslahatan. Sebaliknya ia merupakan nafsu dan keinginan yang didorong oleh jiwa yang rosak serta dihasut oleh syaitan dan adat jahiliah serta cara hidup yang bertopengkan masalah.⁴

Di Sini Perlu Disebutkan Beberapa Contoh:

1. Hukum seksa yang dibuat oleh pihak berkuasa Iraq (Raja Namrud dan kuncukuncunya) dengan memerintahkan para penyembah berhala "Bakarlah Ibrahim dan belalah tuhan-tuhan kamu, jika kamu hendak membasmi pencela agama kamu."⁵ Tindakan ini menunjukkan bahawa kerajaan pada masa itu berhasrat mempertahankan dan mengawal kedaulatan agama mereka yang karut dan melaksanakan kanun keseksaan, kononnya demi kepentingan atau maslahat agama.

2. Undang-undang tauliah mengajar yang diamalkan di kebanyakan negara hari

ini termasuk negeri-negeri di Malaysia adalah berdasarkan masalah dan bertujuan mengawal ilmu salah yang mencabuli kesucian Islam.⁶

Undang-undang ini sebenarnya bolehlah dianggap sebagai akibat kesan dan pengaruh *Freemason*. Sebab, sejarah surat tauliah bermula di Turki di mana puak Kristian yang baru menawan Turki mengenakan syarat tersebut. Bagaimanapun Turki di bawah Mustafa Kamal Atatürk meneruskan amalan tersebut.

Hal ini tidak menghairankan kerana Mustafa Kamal telah disahkan oleh ahli-ahli sejarah Turki yang tidak menyebelahi mana-mana pihak sebagai ahli *Freemason Perkumpulan Salonika*. Kamal Atatürk yang menjadi pegawai pemerintah tentera semasa peperangan Dunia Pertama, telah mengkhianati negaranya dengan memeterikan perjanjian sulit dengan General Allenby 'budak suruhan' (pawn) dalam rancangan penjajahan British dan *Freemason*.⁷

3. Antara undang-undang yang masih berjalan di Malaysia hari ini yang bertopengkan masalah ialah perzinahan yang dilakukan di tempat yang diberi lesen dianggap ada masalah (kebaikan) di bidang ekonomi dan politik negara.

Daripada contoh di atas, jelas bahawa banyak perkara yang pada zahirnya dipandang masalah tetapi tersembunyi jarum yang meracuni manusia dan masyarakat. Akibatnya, kerugian besar di dunia dan di akhirat. Oleh itu diharapkan sebarang penggubalan undang-undang hendaklah berasaskan masalah mengikut neraca Islam. Demikian juga dalam melaksanakannya, jangan tergesa-gesa mencari akta-akta, enakmen-enakmen atau undang-undang yang digubal di Barat atau Timur untuk mendapatkan jawapan dan penyelesaian tanpa mempedulikan undang-undang Islam. Padahal undang-undang itu kadangkala digubal dalam keadaan panik untuk menyelesaikan masalah. Dalam hal ini Allah telah memberi amaran dalam al-Quran. Antara lain firman-Nya yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Kami telah turunkan kepadamu kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran supaya engkau menghukum antara manusia dengan apa yang Allah tunjukkan kepadamu dan janganlah engkau jadi pembela bagi orang-orang yang khianat."*⁸

Firman-Nya lagi, bermaksud:

*"Maka berilah keputusan antara manusia dengan benar dan janganlah engkau turut hawa nafsu kerana ia akan menyesatkanmu dari jalan Allah."*⁹

Fungsi Maslahat Dan Kedudukannya Sebagai Sumber Perundangan

Perlu diambil perhatian di sini bahawa undang-undang Islam bukanlah berdasarkan sumber-sumber yang lahir daripada perkara-perkara tempatan atau suasana tertentu yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Ia juga bukan kesan daripada kemahuan manusia yang didorong oleh hawa nafsu atau kepentingan diri individu.

Sebaliknya undang-undang Islam adalah daripada Allah yang disesuaikan dengan fitrah manusia. Firman Allah, bermaksud:

*"Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh daripada kesesatan; (turutlah terus) 'agama Allah' - iaitu agama yang Allah ciptakan manusia untuk menerimanya..."*¹⁰

Allah menjadikan Islam sebagai asas perundangan yang hanya Dia yang Maha Esa memilikinya, Firman-Nya yang bermaksud:

*"... hanya Allah jualah yang menetapkan hukum..."*¹¹

Ternyata bahawa undang-undang Islam itu bersumberkan al-Quran. Sumber lain itu hanyalah mengikut al-Quran atau menerangkan hukum Allah dalam al-Quran sahaja, bukannya mencipta hukum sendiri. Maka orang yang benar-benar Islam tidak akan menerima kecuali hukum Allah (s.w.t). Pemerintah di kalangan ummah Islam tidak akan terlibat dengan membuat undang-undang kecuali mereka terdiri daripada golongan mujtahid yang memang ahlinya. Para mujtahid lebih memahami al-Quran dan sunnah Rasul-Nya di samping dapat mendalami dan menguasai kaedah-kaedah umum serta tujuan perundangan dalam memelihara masalah al-Ummah. Maka, mereka tidak boleh mencipta undang-undang dengan keinginan sendirian, tetapi mesti diistinbat daripada nas-nas syariah dan rohnya serta matlamat yang tertentu.¹²

Sesungguhnya Rasul (s.a.w.) walau bagaimana maksum sekalipun diperintahkan oleh Allah (s.w.t.) melakukan syura. Padahal dia sebenarnya tidak memerlukan syura kerana tidak berikrar atas perkara yang salah. Hal ini menunjukkan fikiran manusia tidak boleh disia-siakan. Sebaliknya Allah menjadikan mereka mampu berusaha mencari hukum-hukum dari sumber-sumber tertentu. Kesemua sumber itu terbahagi kepada dua.

1. Sumber yang diperakui oleh Jumhur al-Ulama dan diberi nama sumber asliyyah.
2. Sumber yang masih dipertikai di kalangan ulama dan diberi nama sumber-sumber *taba'iyah*.¹³

Walau bagaimanapun kesemua sumber itu kembali kepada satu sumber sahaja, iaitu nas-nas al-Quran dan sunnah. Sementara sumber-sumber selepasnya adalah terbit daripadanya. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa al-Quran adalah sumber yang diutamakan dan mendahului sumber lain. Jika tidak terdapat daripada al-Quran dirujuk kepada sunnah, seterusnya dirujuk kepada ijmak, kemudian qiyas. Qiyas adalah terakhir dan keempat mengikut tertib sumber-sumber asliyyah.¹⁴

Adapun sumber-sumber *far'iyah* yang tiada kata sepakat di kalangan kebanyakan jumhur ulama. Antara yang masyhur ialah:

1. al-Istishab.
2. al-Istihsan.

3. al-Masalih al-Mursalah.
4. al-'Urf.
5. Madhhab as-Sahabi.
6. Shar'u man qablana.
7. Saad ad--Dhara'i

Penulis menerangkan bahawa dalil atau sumber perundangan Islam keseluruhannya terbahagi kepada dua iaitu;

Naqliyyah Dan 'Aqliyyah.

Sumber naqliyyah tiada campurtangan mana-mana mujtahid pun untuk mengadakannya iaitu al-Quran dan sunnah. Demikian juga ijmak kerana adanya sebelum ijihad para mujtahid. Begitu juga halnya dengan *al-'Urf*, *Shar'u man qablana*, dan *Qaul as-Sahabi* kerana masing-masing kembali kepada amalan terhadap perkara tertentu yang tiada campurtangan mujtahid. Dalil 'Aqliyyah pula berhak dicampurtangan oleh para mujtahid dalam mewujudkan istilah *Qiyas*, *al-Masalih al-Mursalah* dan *al-Istihsan*.¹⁵

Dengan penjelasan ini dapatlah disimpulkan bahawa pihak berkuasa dalam masyarakat mestilah bertindak menentukan undang-undang berdasarkan susunan dalil mengikut kaedah dalam perundangan Islam dan meletakkan al-Masalih al-Mursalah sesuai pada tempatnya.

Sebagai agama sejagat, Islam telah membuka pintu bagi menyesuaikan perlaksanaannya dengan perkembangan hidup manusia. Pada masa hayat Rasulullah (s.a.w.), iaitu peringkat pertama dalam sejarah undang-undang Islam, Rasulullah (s.a.w.) mengakui fikiran dan ijihad para sahabatnya sepertimana menurut hadis masyhur yang berlaku terhadap Mu'adh bin Jabal, walaupun sumber-sumber syariah Islam pada masa itu hanya tertumpu kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, ijihad belum digunakan secara am sebagai sumber hukum, kerana kepastian adalah terhenti kepada wahi.¹⁶

Apabila Rasulullah (s.a.w.) wafat, wahyu pun tamat. Maka ahli mujtahid Islam telah menggunakan fikiran mereka dalam bidang dan sumber perundangan yang luas ini untuk membuktikan konsep syariah yang sesuai dengan segala keadaan, masa dan tempat. Mereka telah berijihad untuk memahami 'nas-nas' dan mempraktikkan kaedah atau prinsip yang umum terhadap masalah cawangan baru yang sentiasa muncul dalam masyarakat, sama ada mengikut saluran *Istishab al-Asl*, *Qiyas*, *Istihsan*, *Masalih Mursalah*, *Sadd ad-Dhara'i* dan mengakui 'urf atau adat resam serta pelbagai sumber lagi.

Sebagai contohnya, Abu Bakr (r.a.) dilantik menjadi khalifah pertama (9632 M) dalam pemerintahan kerajaan Islam. Kemudian beliau berwasiat supaya Umar Ibn al-Khattab (r.a.) menggantinya. Khalifah Umar (634-44 M) tidak menentukan khalifah selepasnya, sedangkan beliau menerima penentuan (wasiat) Abu Bakr. Hal ini berdasarkan masalahah, iaitu suasana semasa Abu Bakr masih membimbangkan dari segi perpecahan umat Islam, andainya diserahkan kepada pendapat umum. Manakala

di akhir pemerintahan Umar, keadaan politik dan sosial telah stabil. Jadi umat Islam adalah lebih berhak memilih khalifah mereka sendiri dengan melihat kepada masalah itu.

Dengan keterangan di atas, kita memahami bahawa sikap para sahabat (r.a) terhadap al-Masalih al-Mursalah. Demikian juga sikap tabi'in iaiti terdapat beberapa hukum dan peraturan yang dikuatkuasakan di zaman Khalifah Umar Ibn Abd al-Aziz (96 - 101 H). Beliau merupakan khalifah pertama mewujudkan jawatan mufti dari masa ke masa hingga sekarang ada di kalangan masyarakat Islam di merata-rata negeri. Beliau juga mengarah gabenor-gabenornya supaya mendirikan *al-Khanat* (rumah-rumah tumpangan).

Apabila dikaji secara teliti berhubung dengan latar belakang al-Masalih al-Mursalah, maka dapatlah difahami bahawa ia memainkan peranan penting dalam sejarah perundangan Islam dari masa ke masa. Ia juga merupakan asas yang menunjukkan fahaman mazhab atau pendapat dalam perundangan Islam. Walaupun ulama berlainan pendapat berhubung dengan autoriti al-Masalih al-Mursalah, sebagaimana juga berlainan istilah dalam pemakaiannya, mereka bersepakat bahawa masalah merupakan salah satu daripada tujuan syarak.

Mohd. Said Ramadan al-Buti menyatakan bahawa pembinaan hukum-hukum syarak atas dasar Istislah adalah menjadi perkara sepakat sejak zaman sahabat hinggalah Imam-imam mazhab, sama ada dengan nama *al-Istislah*, *Ijtihad* dan *Qiyas* atau *al-Istihsan* dan *'urf*.¹⁷

Kini jelas bahawa al-Masalih al-Mursalah digunakan dalam sejarah perundangan Islam sejak zaman sahabat hingga kini. Bahkan amat penting pada masa akan datang. Oleh itu perlu dikenali benar apakah yang dimaksudkan dengan istilah itu dalam penggunaannya sebagai salah satu sumber hukum supaya tidak berlaku penyalahgunaan terhadapnya.

Pandangan Dan Saranan

Masalah memainkan peranan penting dalam sejarah perkembangan undang-undang. Walaupun ulama Islam berlainan pendapat berhubung dengan *al-Masalih al-Mursalah* sebagai hujjah syarak dan sumber hukum, tetapi alasan-alasan golongan yang berpendapat ia merupakan salah satu sumber perundangan Islam lebih kuat dan disokong ramai, sepertimana yang diterangkan di dalam *'Ilm Usul al-Fiqh*. Banyak hukum syarak yang termaktub di dalam kitab-kitab fikah berasaskan al-Masalih al-Mursalah yang diijtihadkan oleh ulama Islam yang terkenal dan banyak juga yang telah dilaksanakan dalam masyarakat kita kini mengikut fahaman pihak yang berkenaan.

Al-Masalih al-Mursalah ialah perkara atau dasar yang dijadikan neraca dalam menentukan hukum terhadap hal yang tiada dalil syarak yang menunjukkan maslahat itu diperakui atau tidak. *Ahl al-Halli wa al-Aqdi* yang boleh menentukan undang-undang seharusnya terdiri daripada para ulama yang mujtahid, iaitu mengikut kaedah *'Ilm Usul Fiqh* dengan syarat-syaratnya yang tertentu.

Undang-undang jenis ini mungkin berubah dari masa ke masa, iaitu mengikut

keperluan dan hal keadaan yang tertentu. Undang-undang yang hendak diluluskan dan dilaksanakan mestilah berasaskan syarat-syarat masalah.

1. Masalah yang diyakini.
2. Masalah yang tidak ada penegasan syarak menolaknya.
3. Masalah yang umum.
4. Masalah yang diterima akal, dan
5. Masalah itu dapat menolak kerumitan yang pasti.

Mengikut sejarah, penggunaan *al-Masalih al-Mursalah* itu tidak wujud secara rasmi dalam sejarah perundangan yang terawal. Cuma ulama Islam mengeluarkan hukum mengikut fahaman masing-masing berdasarkan masalah tertentu. Walau bagaimanapun mengikut catatan sejarah, ulama *Usul al-Fiqh* telah memperkenalkan *al-Masalah* ini sejak tujuh abad hijrah yang pertama lagi dengan pelbagai definisi dan sikap mereka yang berbeza-beza. Jika dilihat kepada bidang penggunaan *Masalih Mursalah*, didapati ia meliputi segala cabang undang-undang am dan undang-undang khas, tetapi tidak dalam bidang ibadah dan aqidah. Hal ini berjalan sejak zaman sahabat lagi sehinggalah sekarang, bahkan amat penting pada masa akan datang.

Kini di dapati bahawa Mahkamah Syariah, Majlis-majlis Agama Islam, Dewan Undangan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan sebagainya, masing-masing memainkan peranan dalam usaha melaksanakan undang-undang mengikut ajaran Islam. Kesemuanya bertujuan memelihara kepentingan masalah masyarakat Islam. Sebaliknya masih terdapat tindakan yang berlawanan antara kegiatan tersebut sedangkan usaha itu mempunyai tujuan yang sama. Demikianlah antara sebab yang mengelirukan dan boleh dipertikaikan oleh masyarakat Islam. Oleh kerana kegiatan dan usaha sebegitu berfaedah kepada umat Islam dan dikehendaki dari masa ke masa, maka kegiatan itu haruslah dilakukan dengan cara merujuk kepada al-Quran dan Sunnah Rasul (s.a.w.) dan dilakukan mengikut kaedah perundangan Islam yang tulin.

Tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang dan fatwa adalah berfaedah dan diperlukan pada setiap masa dan keadaan selaras dengan perkembangan dan tamadun yang dicapai. Apa yang menjadi kekeliruan ialah kadang-kadang terdapat halangan dan sekatan yang sukar diatasi. Contohnya, terbatal atau terkandas disebabkan bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Negeri dan Persekutuan, tidak diterima oleh Mahkamah Sivil, tidak diterima oleh pertubuhan, agensi kerajaan dan sebagainya, dan dipertikaikan oleh individu. Perkara ini perlulah dipertimbangkan secara serius oleh semua pihak supaya hukum Islam tidak diperlekehkan.

Keseluruhannya, ditegaskan bahawa hal keadaan pelaksanaan undang-undang berdasarkan *Masalih Mursalah* di kebanyakan masyarakat sekarang masih terhad dan mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya;

- (i) Terdapat pihak yang tidak ikhlas dalam kesetiannya kepada ajaran Islam.
- (ii) Terdapat halangan di segi sistem pentadbiran negeri dan negara.
- (iii) Terdapat penyelewengan dalam pemberian tugas sebagai orang yang diamanahkan untuk memimpin masyarakat.
- (iv) Didapati bahawa pihak berkuasa tidak mahu menguatkuasakan undang-undang Islam sepenuhnya.

- (v) Didapati kurang di kalangan orang yang berkuasa memahami konsep masalah mengikut kaedah perundangan Islam.

Nota Kaki

1. Al-Ghazali, *al-Mustasfa*, Kaherah, 1322H., Juz. 1, h. 286 - 287. Dan ar-Razi, *al-Mahsul*, Kaherah, 1930, Juz. 2, h. 434.
2. Al-Quran, s. ke 2 (al-Baqarah), a. 216.
3. Al-Amidi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Kaherah, 1387 H., Juz. 3, h. 249 dan berikutnya.
4. Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat, al-Buti, *Dawabit. Al-Maslahah*, Damsyiq, 1966/67, h. 14 dan seterusnya.
5. Untuk keterangan lanjut, sila lihat tafsir surah al-Anbiya, ayat 68.
6. Hasil temuramah dengan beberapa orang pegawai Jabatan Agama Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur awal tahun 1982.
7. Lihat Berita Mingguan Bebas BUMI, 23 hb. Oktober, 1982, h. 2.
8. Lihat tafsir al-Quran, s. ke 4 (al-Nisa').
9. Lihat tafsir al-Quran, s. ke 38 (Sad), a. 26.
10. Al-Quran s. ke 30 (ar-Rum), a. 30.
11. Ibid. s. ke 6 (al-An'am) a. 57.
12. Untuk keterangan lanjut sila lihat Dr. Ibrahim Salqini Suriy, 'al-Masdar al-Awwal min Masadir asy-Syariah al-Islamiyyah' dalam *at-Tauhid*, Majalah Islamiyyah - fikriyyah - Jami'ah, - Tehran, Iran, bil. 9, Tahun kedua 1404 H, h. 298 - 299.
13. Ibid, h. 299.
14. Ibid.
15. Ibid, h. 300.
16. Lihat al-Qattan, Manna', *at-Tashri' wa al-Fiqh fi al-Islami*, Kaherah, 1396 H, h. 83.
17. Mohd. Said Ramadan al-Buti, *Dawabit al-Maslahah fi asy-Syariah*, al- Islamiyyah. Damshiq, 1966/67, h. 385.